

# Anak syarikat TNB jalin kerjasama dengan dua syarikat hartanah

**TENAGA** Nasional Berhad (TNB) terus beri perkhidmatan penggunaan elektrik yang bijak untuk premis pengguna di Malaysia dengan yang terbaharu menerusi kerjasama strategik yang dijalin anak syarikatnya bersama tiga syarikat tersenarai di Bursa Malaysia.

Anak syarikat milik penuh TNB, TNB Energy Services (TNBES), menerusi anak syarikatnya Maevi Sdn Bhd (Maevi) baru-baru ini, menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama dua syarikat berkaitan hartanah iaitu Protasco Berhad dan Tan & Tan Development Bhd serta syarikat perunding perisian dan kejuruteraan, DGB Berhad sebagai rakan strategik bagi sistem pengurusan tenaga dan projek

rumah pintar.

MoU bersama Protasco adalah bagi membekal dan memasang perkhidmatan rumah pintar Maevi, bagi projek perumahan, manakala MoU bersama Tan & Tan Development Bhd, jalin kerjasama pintar bagi kecekapan pengurusan dan pemantauan aset IGB Berhad.

MoU bersama DGB Berhad, adalah kerjasama teroka pasaran pengurusan tenaga.

MoU itu ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif, Maevi Sdn Bhd, Izham Ismail bersama Pengarah Eksekutif Protasco Bhd, Edward Khoo, Pengarah Syarikat Tan & Tan Development Bhd, Tan Yee Seng dan Pengarah Eksekutif DGB Berhad, Robin Lim.



Izham (kiri) bersama Robin (empat, kiri), Yee Seng (dua, kanan), Edward (kanan) serta tetamu kehormat yang lain pada majlis meterai MoU tersebut.